

Headline	Saran rangka terlebih dahulu pembentukan blok baharu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Mar 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Nasional	Color	Black/white
Page No	2	ArticleSize	118 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,017	PR Value	RM 3,050



## Saran rangka terlebih dahulu pembentukan blok baharu

**KOTA BHARU** - Rancangan Pas membentuk blok baharu pembangkang melalui kerjasama politik dengan parti-parti pembangkang lain wajar dialu-alukan kerana diyakini mampu memberi dimensi baharu kepada politik negara.

Pada masa yang sama, pembentukan blok baharu pembangkang wajar dirangka dengan lebih teliti oleh pucuk pimpinan Pas bagi mengelakkan ia menerima nasib sama seperti menyimpannya pada PRU 1986 dahulu.

Pengarah Pusat Kajian Politik

Malaysia (Mapan) Universiti Utara Malaysia, Dr Kamarul Zaman Yusoff berkata, usaha Pas itu boleh difahami berdasarkan hasrat parti Islam menjadi kuasa penentu politik negara sekarang.

“Perancangan pemimpin Pas ada munasabahnya juga, iaitu supaya mana-mana blok, sama ada BN atau Pakatan Harapan, tidak akan dapat membentuk kerajaan melainkan pada akhirnya terpaksa bekerjasama dengan blok ketiga ini.

“Ini sekali gus menjadikan blok ketiga sebagai kuasa pengimbang

berupaya menjadikan blok-blok lain yang menguasai tampuk pemerintahan nanti melaksanakan pemerintahan dengan cara lebih bertanggungjawab kepada rakyat.

“Bagaimanapun, perancangan ini menampakkan seolah-olah Pas menyerah kalah sedangkan mungkin lebih baik jika Pas bercita-cita menjadi blok utama dan bukan pengimbang blok lain,” katanya.

Beliau mengulas pengumuman Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Hassan, bahawa parti itu akan menubuhkan kerjasama

politik baharu dengan parti politik pembangkang pada 16 Mac ini.

Dr Kamarul Zaman yang juga Felo Utama Institut Kajian Strategik Islam Malaysia berkata, kerjasama itu mungkin diikuti beberapa kerjasama dengan parti politik lain dan pertubuhan bukan kerajaan, sekali gus mengukuhkan kedudukan Pas di bawah pendekatan baru ‘Budaya Politik Matang dan Sejahtera’.

“Pas perlu lebih berhati-hati menubuhkan blok baharu pembangkang ini bagi mengelak ditimpa kerugian lebih besar,” katanya.